

20 JUL 1999

Mahathir-Pas

DR MAHATHIR TEGUR PAS SEBAR FAHAMAN BARU

JITRA, 20 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur Pas kerana memutarbelitkan ajaran Islam dengan menyebarkan fahaman supaya manusia tidak perlu berterima kasih sesama manusia, semata-mata kerana mahu memancing undi.

Perdana Menteri juga menyelar parti pembangkang itu yang turut menyebarkan fahaman supaya rakyat membenci kepada orang kaya yang kononnya mencapai kedudukan itu disebabkan mereka adalah kroni-kroni kerajaan.

Katanya, dengan berbuat demikian, rakyat tidak akan berterima kasih kepada kerajaan yang selama ini banyak memberi nikmat pembangunan melalui pentadbiran yang cekap dan dengan itu kerajaan akan ditolak oleh rakyat dalam pilihan raya akan datang.

Pas hanya mahu rakyat bersyukur kepada Tuhan sahaja atas segala nikmat yang diterima tanpa perlu berterima kasih sesama manusia, katanya pada perjumpaan dengan penduduk Kampung Jeragan dekat sini.

"Pas mendakwa agama menyuruh tidak berterima kasih sesama manusia sedangkan Allah menggunakan manusia untuk menyampaikan nikmat-nikmatNya," katanya.

"Mana ada dalam ajaran Islam supaya tidak berterima kasih sesama manusia," katanya.

Dr Mahathir berkata sesuatu nikmat itu tidak boleh diperolehi dengan hanya bersyukur sahaja tanpa adanya pentadbiran yang cekap dan usaha.

Sebagai contoh, katanya, rakyat harus berterima kasih kepada tentera, polis dan Rela kerana sanggup menggadai nyawa dalam mengatasi masalah ancaman Komunis di negara ini.

Dalam masa yang sama, mereka juga hendaklah berterima kasih kepada kerajaan kerana mentadbir dengan cekap dalam menyediakan keperluan senjata dan peluru bagi tentera, polis dan Rela untuk melawan Komunis, katanya.

"Kalau kerajaan tidak cekap dalam pentadbirannya... tidak boleh ada tentera, jauh sekali hendak menyediakan jalan raya dan bekalan air," katanya.

Perdana Menteri berkata rakyat Kelantan tidak dapat menikmati bekalan air kerana ketidakcekapan kerajaan negeri mentadbir untuk menyediakan kemudahan asas itu.

"Inilah yang berlaku apabila kita memilih kerajaan yang tidak cukup cekap," katanya.

Dr Mahathir berkata peranan kerajaan untuk mentadbir negara adalah amat besar kerana ia bertanggungjawab untuk seluruh negara dan 22 juta penduduknya.

Ekoran kejayaan kerajaan pusat mentadbir negara ini dan membawa pelbagai nikmat untuk rakyatnya, Pas pula kini menghasut orang ramai supaya jangan membalas budi orang yang menolong mereka, katanya.

Beliau juga berkata dakwaan Pas kononnya orang kaya mencapai kedudukan itu disebabkan mereka merupakan kroni kerajaan adalah tidak benar.

Dr Mahathir mengulangi kenyataannya bahawa golongan itu mendapat kekayaan hasil usaha mereka sendiri.

Bagaimanapun kerajaan dan rakyat juga mendapat faedah hasil daripada cukai yang dikenakan kepada golongan kaya itu serta derma-derma yang disumbangkan oleh mereka.

"Oleh itu orang kaya adalah berguna kepada masyarakat. Kita tidak patut benci atau irihati kepada mereka. Agama tidak menyuruh kita membenci kepada sesiapa pun," katanya.

Oleh itu tindakan PAS hendak menjatuhkan orang kaya sekiranya memerintah negara ini adalah tidak wajar kerana golongan itu memberi faedah kepada negara dan rakyat.

"Kita kenakan cukai korporat 28 peratus terhadap golongan itu. Lagipun, golongan itu banyak menderma dan mendirikan masjid serta surau di negara ini," kata Perdana Menteri. Beliau dalam rangka lawatan dua hari ke negeri ini sejak semalam.

-- BERNAMA

JM NMO RON